

11 DEC 1999

Fong-Kesatuan

FONG AKAN ADAKAN DIALOG DENGAN KESATUAN SEKERJA

SELANDAR, 11 Dis (Bernama) -- Datuk Dr Fong Chan Onn yang baru dilantik sebagai Menteri Sumber Manusia berkata sesi dialog akan diadakan segera dengan pelbagai pihak dalam kesatuan sekerja bagi meneruskan dasar hubungan baik antara pekerja, majikan dan kerajaan.

Katanya hubungan antara ketiga-tiga pihak itu amat baik dan telah menjadi asas penting yang telah membantu negara melepasi kegawatan ekonomi.

"Saya akan cuba sedaya upaya untuk meneruskan suasana harmoni ini supaya Malaysia boleh menjadi negara contoh membabitkan kerjasama antara kesatuan sekerja dan kerajaan," katanya kepada pemberita.

Terdahulu, beliau menghadiri majlis meraikan penerima anugerah darjah dan bintang sempena keputeraan Yang Dipertua Negeri Melaka yang dianjurkan oleh MCA Selandar, di Sekolah Rendah Cina Sin Wah, Durian Tunggal, di sini malam tadi.

Menurut beliau, Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) dan kesatuan pekerja lain sejak dua tahun kebelakangan ini telah memainkan peranan penting bagi membantu negara melepasi kemelut ekonomi.

Dr Fong, 46, telah dinaikkan pangkat dari Timbalan Menteri Pendidikan untuk menerajui Kementerian Sumber Manusia, menggantikan Datuk Lim Ah Lek dalam Kabinet baru yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam.

Katanya, beliau akan memperkenalkan beberapa rancangan dan program latihan untuk mempertingkatkan tahap produktiviti pekerja.

Antara tumpuan beliau ke arah itu ialah memperkenalkan program latihan khususnya berkaitan teknologi maklumat.

-- BERNAMA

NO RI